MAJLIS PERBANDARAN PENGERANG

# GARISPANDUAN PEMBUKAAN OPERASI MAJLIS PERBANDARAN PENGERANG (MPP) SEMASA PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN BERSYARAT (PKPB)

BAHAGIAN PELESENAN

# TUJUAN

Garis panduan ini diwujudkan bertujuan untuk memastikan pelanggan yang berurusan di kaunter bagi permohonan lesen perniagaan baru atau pembaharuan lesen perniagaan sentiasa mematuhi Prosedur Operasi Standard (SOP) yang telah digariskan sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) untuk membendung penularan wabak Covid-19

Stop Covid - 19

# GARIS PANDUAN WAKTU OPERASI MAJLIS PERBANDARAN PENGERANG

**Waktu Berkerja Bulan Ramadan**

**Ahad – Rabu**
8.00 pagi - 4.30 petang

**Khamis**
8.00 pagi – 3.00 petang

- Operasi Kaunter akan mula beroperasi pada 10 Mei 2020
- Dibuka dari jam 9.00 pagi hingga 3.00 petang
- Setiap Hari Ahad hingga Khamis

Stop Covid - 19

# MAJLIS PERBANDARAN PENGERANG

**PROSEDUR OPERASI STANDARD (SOP) BAGI PELANGGAN UNTUK PERMOHONAN LESEN PERNIAGAAN BARU DAN PEMBAHARUAN LESEN PERNIAGAAN SEMASA PKPB.**

1. Semua pelanggan yang berurusan di Majlis Perbandaran Pengerang (MPP) diwajibkan untuk mengisi Borang Saringan Kesihatan sebelum dibenarkan berurusan dengan lebih lanjut.
2. Tawaran perkhidmatan Majlis Perbandaran Pengerang sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) adalah melalui temujanji sahaja. Tiada sebarang *walk in appointment* dibenarkan.
3. Permohonan temujanji di Majlis Perbandaran Pengerang boleh dibuat melalui secara atas talian kepada email infopengerang@pbtpengerang.gov.my .
4. Pelanggan hendaklah sentiasa memakai penutup hidung dan mulut dan menggunakan *hand sanitizer* semasa berurusan di kaunter pejabat Majlis Perbandaran Pengerang (MPP).
5. Maksimum dua 2 orang wakil agensi sahaja yang dibenarkan hadir bagi penyerahan urusan dokumen.
6. Pemohon perlu merujuk kepada senarai semak yang disyaratkan seperti di buku panduan pelesenan yang telah dikeluarkan di laman web rasmi MPP (www.mppengerang.gov.my)
7. Sebarang pertanyaan mengenai permohonan lesen memadai jika pemohon membuat panggilan telefon sahaja ke Bahagian Pelesenan (tidak perlu hadir ke kaunter) di talian 07-8862663

1. Bilik perbincangan Khas bersebelahan Kaunter Bersepadu akan digunakan untuk sebarang urusan perbincangan dan perjumpaan dengan pelanggan dengan dihadkan seorang pegawai dan seorang pelanggan sahaja.
2. Sentiasa menerapkan *sosial/self distancing* jarak 1 meter semasa berurusan di kaunter.